

POPIA COKLAT



Jom masukkan popia coklat ni dalam list kuih Raya nanti. Mudah je nak buat tak payah pakai oven. Sedapnyaaa 😊

Resepi ↓ ↓ ↓

- Kulit popia
- Coklat Beryls (milk compound)
- Nestum/badam

Cara-caranya

1. Setiap keping kulit popia dipotong jadi 6 bahagian. Gulung comel2 & letak gam.
2. (Tepung gandum +air bancuh pekat)

3. Biarkan sekejap (rehatkan gulungan sampai dia keras sikit untuk kekalkan bentuk popia tu bulat). Lepas tu goreng.
4. Double boilkan coklat Beryls & celup popia yang dah goreng tadi. Salut dengan nestum atau badam sangai pun sedap. Simpan dalam bekas kedap udara. Nak best simpan dalam peti ais.

Siap 😊

Kredit :Humaira Harith